



FAEZAH (dua dari kiri) berkongsi kegembiraan bersama adiknya (dari kiri) Nur Farhana, Juliana dan Salahuddin selepas menerima ijazah di UPM Serdang semalam.

Sedih tiada ibu bapa, tiga beradik raih kejayaan

SERDANG - Kehilangan ibu bapa serta tiga orang adik-beradik dalam satu kebakaran tragis dua tahun lalu tidak mematahkan semangat Faezah Noor Kasmuri, 22, untuk meneruskan pelajaran sehingga menerima Anugerah Pelajar Cemerlang pada Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-33 di sini semalam.

Menurut anak pertama daripada tujuh beradik itu, ibu bapa dan tiga adiknya yang lain telah kembali ke rahmatullah setelah terlibat dalam

Berkorban apa saja



KERATAN Kosma!
10 Ogos 2007.

mahu meneruskan pengajian. "Tapi saya kuatkan juga semangat dan syukur kepada Allah berkat daripada dorongan rakan-rakan dan

satu kebakaran di rumahnya di Kampung Tengah Kluang, Johor pada tahun 2007.

"Pada ketika itu saya belajar di semester tiga program Sarjana Muda Pengkhususan Bahasa Inggeris. Sewaktu mula-mula kehilangan orang yang saya sayang, saya hampir-hampir patah semangat dan tidak

orang sekeliling, saya akhirnya berjaya meneruskan pengajian dan mengecapi kejayaan.

"Nampaknya keinginan saya untuk berkongsi hari bersejarah ini dengan ayah dan ibu terpaksa saya lupakan. Saya berkongsi dengan empat beradik sahaja," katanya ketika ditemui selepas majlis konvokesyen UPM semalam.

Majlis konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 7,597 graduan pelbagai jurusan menerima ijazah dan diploma masing-masing.

Ditanya rahsia kecemerlangannya, Faezah berkata, dia menumpukan sepenuh perhatian dalam mengulang kaji pelajaran.